

## Ahli Jawatankuasa Eksekutif MABOPA 2014-2015

**Presiden** : Dato' (Dr.) Hussamuddin Haji Yaacob  
**Timbalan Presiden** : Ishak Hamzah  
**Naib Presiden** : Raymond Yeo Chin Hean  
**Naib Presiden** : Y. Sahadevan <sup>AMN BKM PPT</sup>  
**Setiausaha Kehormat** : Arief Hakim Sani Rahmat  
**Bendahari Kehormat** : Kow Ching Chuan

### Ahli AJK:

1. Haji Che' Mazlan Haji Saad
2. Chia Hai Chew <sup>PMC</sup>
3. Abdul Halim Pekan Iskin
4. Samuel Sum Kown Cheek
5. Rachel Poon
6. Shaiful Hezan Haji Kamaluddin
7. Rozida Ismail

### Portfolio

1. **Biro Latihan, Penyelidikan dan Pembangunan**  
**Pengerusi** : Arief Hakim Sani Rahmat
2. **Biro Penerbitan Buku Akademik**  
**Pengerusi** : Samuel Sum  
**Pengerusi Bersama** : Y. Sahadevan <sup>AMN BKM PPT</sup>
3. **Biro Penerbitan Buku Islam**  
**Pengerusi** : Shaiful Hezan Haji Kamaluddin
4. **Biro Pesta Buku & Aktiviti**  
**Pengerusi** : Ishak Hamzah
5. **Biro Hal-Ehwal Antarabangsa**  
**Pengerusi** : Haji Che Mazlan Haji Saad
6. **Biro Buku Penerbitan Vernakular**  
**Pengerusi** : Chia Hai Chew <sup>PMC</sup>
7. **Biro Perdagangan dan Perpustakaan**  
**Pengerusi** : Raymond Yeo
8. **Biro Hakcipta & Undang-undang**  
**Pengerusi** : Rozida Ismail
9. **Biro Digital**  
**Pengerusi** : Rachel Poon

## Senarai Kehadiran Exco 2014-2015

Nama	11/6/14 (ke9)	16/7/14 (ke-10)	20/9/14 (ke-11)	4/11/14 (ke-12)	9/12/14 (ke-13)	13/1/15 (ke-14)	16/2/15 (ke-15)	18/3/15 (ke-16)	Jumlah
Dato' (Dr.) Hussamuddin Haji Yaacub	0	/	/	0	0	/	/	/	5
Ishak Hamzah	/	/	/	/	/	/	/	/	8
Raymond Yeo Chin Hean	/	/	/	/	/	/	/	/	8
Y. Sahadevan	/	/	/	/	/	/	/	0	7
Arief Hakim Sani Rahmat	/	/	/	0	/	/	/	/	7
Kow Ching Chuan	/	/	/	/	/	/	/	0	7
Haji Che' Mazlan Haji Saad	/	/	/	/	/	/	/	/	8
Chia Hai Chew	/	/	/	0	0	/	/	/	6
Abdul Halim Pekan Iskin	/	/	/	/	/	0	0	0	5
Samuel Sum Kown Cheek	/	/	0	0	/	/	/	/	6
Shaiful Hezan Haji Kamaluddin	/	/	0	/	0	0	0	0	3
Rachel Poon	/	/	/	0	0	/	0	0	4
Rozida Ismail	0	/	/	0	/	/	/	0	5

## Laporan Jawatankuasa Eksekutif 2015

12 April 2014 - 27 April 2015

### Seksyen A : Persatuan

#### 1. Pejabat MABOPA

MABOPA mempunyai 2 orang pekerja tetap iaitu Irdahwati Md Jani, Setiausaha Eksekutif dan Nur Husnul Izza Musa. Kontrak Nur Farah Liyana Muhammad Salihin telah dilanjutkan selama setahun bagi melancarkan operasi MABOPA Events Sdn Bhd. Persatuan tidak ada membuat sebarang renovasi atau pembelian set tetap.

#### 2. Biro Latihan, Penyelidikan dan Pembangunan

##### 2.1 Seminar GST

Seminar asas GST telah berlangsung pada 25 Jun di Perbadanan Kota Buku. Penceramah adalah:

1. Christopher Low, Pengarah Eksekutif, Tax, BDO
2. Ho Yi Hui, Pengarah, Tax, BDO

Seminar ini disertai oleh 67 peserta dari 33 penerbit.

Rujuk kepada Lampiran 1.

##### 2.2 E-STUDIO Demo: *Introduction Of Authoring Tool For Interactive Content*

E-Studio ialah software baru untuk menghasilkan buku digital interaktif dalam format Epub3. Demo ini telah disampaikan oleh E-Sentral pada 14 November 2014 di Pejabat MABOPA. Seramai 23 orang dari 14 penerbit telah datang untuk melihat demo ini.

##### 2.3 Taklimat Terbuka MyCreative Ventures Sdn Bhd.

MyCreative Ventures Sdn Bhd ialah sebuah syarikat *Venture Capital* yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Taklimat ini dihadiri seramai 19 orang dari 15 penerbit.

Umumnya, MyCreative Ventures Sdn Bhd menawarkan pinjaman minimum sebanyak RM 300,000.00 tanpa jaminan, dengan beberapa syarat. Taklimat telah disampaikan oleh Riza Saian, CFO MyCreative Ventures Sdn Bhd.

Sebagai makluman, tarikh akhir MyCreative Book Publisher Funding Pitch adalah pada 31 Mei 2015. Penyertaan boleh dihantar ke [thepublishers@mycreative.com.my](mailto:thepublishers@mycreative.com.my) atau merujuk ke laman web di [www.mycreative.com.my](http://www.mycreative.com.my).

Rujuk kepada Lampiran 2.

### **3. Biro Penerbitan Buku Akademik**

#### **3.1 Hak Cipta Soalan-soalan Peperiksaan Tahun Lepas.**

Kontrak ini telah diberikan kepada syarikat yang berkenaan. Persatuan telah terlewat dalam mengeluarkan surat kepada Menteri Pendidikan Malaysia dan Yayasan Guru. Isu ini perlu dibangkitkan semula dalam tahun seterusnya untuk tindakan awal.

### **4. Biro Penerbitan Buku Islam**

#### **4.1 Hologram Al-Quran**

Hologram Al-Quran masih kekal pada harga RM 1.00. Exco tidak ada membuat sebarang pertemuan dengan pihak KDN dalam tempoh laporan ini.

### **5. Biro Pesta Buku & Aktiviti**

#### **5.1 BACA World 2014**

BACA World 2014 yang asalnya dijadualkan pada akhir bulan Ogos 2014 telah ditunda ke Januari 2015, atas faktor kesuntukan masa. Beberapa pempamer utama tidak dapat ikut serta kerana tempoh yang terlalu pendek.

#### **5.2 Jualan Buku Akhir Tahun MABOPA (YES2014)**

Jualan Buku Akhir Tahun MABOPA berlangsung pada 20-23 November 2015 di Dewan 6, KL Convention Centre anjuran MABOPA dan Perbadanan Kota Buku sebagai penganjur bersama.

Untuk rekod, Presiden telah menaja iklan di dalam akhbar Sinar Harian dengan nilai RM 66,504.00. MABOPA merakamkan ucapan terima kasih atas tajaan ini.

Laporan lengkap disertakan di dalam **Lampiran 3.**

#### **5.3 BACA World 2015**

Ekspo gaya hidup dan konten digital BACA World 2015 telah berlangsung pada 30 Januari-1 Februari di Dewan 4, KL Convention Centre.

Pasukan video Sinar Harian menyumbangkan secara percuma 3 klip video promosi untuk BACA World 2015, dan akhbar Sinar Harian memberikan tajaan iklan bernilai RM308,000.00. MABOPA merakamkan ucapan terima kasih kepada Presiden atas sumbangan beliau.

Laporan penuh disertakan dalam **Lampiran 4.**

## 6. Biro Hal-Ehwal Antarabangsa

### 6.1 MABOPA dan Perbadanan Kota Buku (PKB)

#### 6.1.1 Shanghai Book Fair 2014

Beberapa penerbit Malaysia telah menyertai pameran ini dibawah pavilion Malaysia yang dianjurkan oleh PKB.

#### 6.1.2 Bologna Book Fair 2014

Pavilion Malaysia telah dianjurkan oleh PKB. Selain itu, ada juga penerbit Malaysia yang telah mencapai tahap eksport, mengambil booth sendiri di Bologna.

### 6.2 MABOPA dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM)

#### 6.2.1 Frankfurt Book Fair 2014 (FBF 2014)

Beberapa penerbit Malaysia telah terlibat dibawah pavilion Malaysia. Selain itu, juga penerbit Malaysia yang mengambil booth sendiri di FBF 2014. Ini menunjukkan kematangan pada penerbit tempatan yang telah mencapai tahap eksport.

## 7. Biro Perdagangan dan Perpustakaan

### 7.1 Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Analisa pembelian PNM bagi tahun 2014 adalah seperti dibawah:

#### Bilangan Penerbit

	2012	2013	2014	% (+/-)
<b>MABOPA</b>	38.89	36.31	29.22	-7.09
<b>Bukan MABOPA</b>	61.11	63.69	70.78	7.09

#### Bilangan Judul Pesanan

	2012	2013	2014	% (+/-)
<b>MABOPA</b>	39.13	41.19	39.68	-1.51
<b>Bukan MABOPA</b>	60.87	58.81	60.32	1.51

#### Bilangan Naskah Pesanan

	2012	2013	2014	% (+/-)
<b>MABOPA</b>	35.00	40.45	36.69	-3.76
<b>Bukan MABOPA</b>	65.00	59.55	63.31	3.76

Tahun 2014 umumnya mencatatkan sedikit penurunan yang tidak signifikan. MABOPA berharap yang prestasi ini dapat diperbaiki lagi dari tahun ke tahun.

## **8. Biro Hak Cipta & Undang-undang**

### **8.1 Penubuhan *Copyright Management Organization* (CMO)**

Exco telah memberi mandat kepada Rozida Ismail untuk memulakan perbincangan CMO dengan *stakeholder* lain di Malaysia.

MABOPA telah menghantar surat rasmi kepada MyIPO untuk menyatakan hasrat MABOPA untuk menggerakkan penubuhan CMO untuk literature di Malaysia. Rujuk **Lampiran 5**.

Dalam perkembangan terkini, MABOPA telah menyatakan persetujuan supaya Perbadanan Kota Buku bertindak sebagai sekretariat penubuhan CMO di Malaysia, bersama beberapa ahli tubuh lain dari persatuan penulis, komik, fotografi dan seni visual.

MABOPA juga telah menyatakan persetujuan untuk menyumbangkan sedikit modal tubuh bagi CMO Malaysia nanti. Dalam perkara ini, wakil MABOPA selalu berhubung dengan pihak IFFRO bagi memaklumkan perkembangan CMO di Malaysia.

### **8.2 IFFRO World Congress**

Kongres telah berlangsung pada 27-30 Oktober 2014 di Hotel Kobos, Seoul, Korea Selatan. MABOPA telah diwakili oleh Rozida Ismail dan Irdahwati Md Jani bertindak sebagai pemerhati. Kos penerbangan dan penginapan wakil MABOPA telah ditanggung oleh pihak IFFRO.

## **9. Biro Digital**

Rujuk kepada Seksyen A, 5.1 BACA World 2014 dan 5.3 BACA World 2015.

## **10. MABOPA dan Media**

### **10.1 MABOPA di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur**

Rujuk **Lampiran 6** untuk berita-berita tentang PBAKL 2014.

### **10.2 BACA World 2015**

Rujuk **Lampiran 7** untuk berita-berita tentang BACA World 2015.

## **11. Keahlian MABOPA**

### **11.1 Keahlian Baru**

Berikut adalah senarai penerbit baru sepanjang tempoh laporan ini:

1. Idea Kreatif Publication (berkuat kuasa pada 11 Jun 2014)
2. Penerbitan Kaki Novel Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 24 September 2014)
3. Penerbitan Ilham Persona (berkuat kuasa pada 4 November 2014)
4. Lejen Press (berkuat kuasa pada 4 November 2014)
5. Imedia Production (berkuat kuasa pada 4 November 2014)
6. Book Mart Publications Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 4 November 2014)
7. Selut Press (berkuat kuasa pada 9 Disember 2014)

8. Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 9 Disember 2014)
9. Terfaktab Media (berkuat kuasa pada 9 Disember 2014)
10. Orange Dove Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 9 Disember 2014)
11. IBFIM Bhd (berkuat kuasa pada 9 Disember 2014)
12. Deen Prints (berkuat kuasa pada 9 Disember 2014)
13. Learning Roots (M) Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 9 Disember 2014)
14. Iman Publications(berkuat kuasa pada 9 Disember 2014)
15. Green Dome Publications Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 9 Disember 2014)
16. Pustaka Darul Iman (berkuat kuasa pada 13 Januari 2015)
17. Aksara Aira Media Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 16 Februari 2015)
18. PTS Media Group Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 18 Mac 2015)
19. Ladybug Publishing And Distribution (berkuat kuasa pada 18 Mac 2015)
20. ISQ Publishing Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 18 Mac 2015)

### **11.2 Tarik diri dari keahlian MABOPA**

Berikut adalah senarai penerbit yang menarik diri sebagai ahli MABOPA:

1. Sama Publications & Distributors Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 11 Jun 2014)
2. Rythm House Publishing Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 4 November 2014)
3. PTS Publications & Distributions Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 18 Mac 2015)

### **11.3 Keahlian ditamatkan**

Berikut adalah keahlian yang ditamatkan oleh AJK kerana gagal membuat pembayaran yuran tahunan keahlian selama 3 tahun berturut-turut:

1. City Megazone Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 24 September 2014)
2. Penerbit Pinang Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 24 September 2014)
3. Minerva Publications (N.S.) Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 18 Mac 2015)
4. Pustaka Yakin Pelajar Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 18 Mac 2015)
5. Kompas Publishing Sdn Bhd (berkuat kuasa pada 18 Mac 2015)

## **Seksyen B : MABOPA Events Sdn Bhd**

### **1. Laporan Kewangan 2014 (Untuk Tahun Berakhir 31 Disember 2014)**

Kewangan MABOPA Events Sdn Bhd telah diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. MABOPA Events Sdn Bhd mencatatkan keuntungan selepas cukai ialah RM 17,759.00.

Laporan audit disertakan dalam laporan Bendahari.

### **2. Projek Syarikat**

#### **2.1 BACA World 2015**

Untuk projek kali pertama ini, kerugian yang ditanggung oleh projek ini adalah sebanyak RM 180,000.00.

## **2.2 Jualan Buku Akhir Tahun 2014 (YES2014)**

MABOPA Events Sdn Bhd telah menjual 143 gerai dari 150 gerai dan mendapat keuntungan sebanyak RM 1,000.00.

## **2.3 Jualan Buku dari Gudang di UIAM, Gombak.**

Pameran ini disertai oleh 5 pempamer dan projek ini mengalami kerugian RM 2,860.00.

## **2.4 Pesta Buku Utara, UUM**

Sebanyak 17 gerai dijual dari 12 pempamer MABOPA. MABOPA telah mengutip keuntungan sebanyak RM 1,900.00 dari pengurusan gerai ini.

## **Seksyen C : Hubungan dengan Agensi Kerajaan**

### **1. Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM)**

Wakil rasmi MABOPA dalam Anggota Majlis Buku Kebangsaan Malaysia ialah Ishak Hamzah.

#### **1.1 Mesyuarat Utama**

##### **1.1.1 Mesyuarat Anggota Majlis**

- a. Mesyuarat bil 2/2014 pada 19 Ogos 2014 di Bilik Mesyuarat Perbadanan Kota Buku.

##### **1.1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pengelola PBAKL 2014**

- a. Mesyuarat Post mortem pada 19 Jun 2014 di Bilik Mesyuarat MBKM, Cyberjaya.

##### **1.1.3 Mesyuarat Pembangunan Pengkarya Guru Kementerian Pendidikan**

- a. Mesyuarat pada 23 Januari 2015 di Bilik Mesyuarat MBKM, Cyberjaya.

### **1.2 Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2014 (PBAKL 2014)**

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) telah menerima separuh daripada agihan keuntungan PBAKL 2014 iaitu sebanyak RM 54,000.00 daripada pihak MBKM. Pengagihan masih berdasarkan kepada 40:60 keuntungan.

### **1.3 Kuala Lumpur Trade Copyright Centre 2014 (KLTC 2014)**

MABOPA telah menerima keuntungan sebanyak RM 40,000.00 sebagai pengurus acara dan bisnes berkaitan KLTC 2014. Perbadanan Kota Buku akan mengambil alih penganjuran KLTC dari MBKM mulai pada tahun 2015.

### **1.4 ASEAN Ebook Conference 2014 (AEC 2014)**

AEC dianjurkan oleh MBKM dan MABOPA bertindak sebagai pengurus acara.



## **2. Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia**

Sila rujuk kepada Seksyen A.

## **3. Bahagian Harta Intelek (MyIPO)**

Sila rujuk kepada Seksyen A.

## **4. Perbadanan Kota Buku (PKB)**

### **4.1 KL TCC 2015**

KL TCC 2015 dianjurkan oleh PKB yang akan diadakan pada 19-21 April 2015 di Hotel Seri Pacific dan Bilik Mawar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Perbadanan Kota Buku (PKB) telah melantik MABOPA Events Sdn Bhd sebagai pengurus acara dalam program Pocket Talk 2015.

### **4.2 Kerjasama PKB-MABOPA**

PKB telah menawarkan untuk menanggung kos-kos menghadiri konvensyen dan persidangan antarabangsa yang mahu dihadiri oleh MABOPA, secara selektif. MABOPA akan memberikan laporan program tersebut kepada PKB.

## **Seksyen D : Hubungan dengan Industri**

### **1. MBIC**

#### **1.1 BB1M**

Isu besar yang dihadapi oleh industri buku ialah berkaitan dengan salahguna Baucer Buku 1Malaysia (BB1M). Kita telah mengambil beberapa langkah untuk menggesa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN). Dukacita dimaklumkan, banyak cadangan-cadangan pihak industri untuk memperkemarkan agihan BB1M tidak diterima oleh pihak KPM.

Walau begitu, MABOPA dan MBIC telah dipanggil dalam Mesyuarat Pelaksanaan BB1M 2015. Ini adalah kali pertama persatuan-persatuan industri dilibatkan dalam mesyuarat BB1M.

MBIC juga telah beberapa kali menulis surat memohon untuk membuat lawatan kerja ke pihak Sekretariat BB1M, Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan lawatan kerja ini ialah untuk membincangkan isu-isu semasa dan cadangan tambahbaik dari industri. Dukacita sehingga hari ini kita belum mendapat jawapan dari pihak Sekretariat BB1M.

Memorandum MBIC adalah seperti **Lampiran 8**.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi jawapan seperti **Lampiran 9**.

#### **1.2 GST Buku**

Isu paling besar yang diuruskan oleh pihak persatuan dan MBIC ialah isu GST Buku. Dalam hal ini, ada banyak kekeliruan dan ketidakpastian timbul kerana cukai ini adalah cukai baru. Tindakan pertama MBIC ialah menubuhkan satu jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Arief Hakim Sani. JK Teknikal GST Buku ini telah mendapatkan khidmat nasihat ramai tokoh-tokoh industri buku untuk mengenalpasti isu-isu utama, dan jalan-jalan yang ada untuk MBIC merancang rayuannya.

Kedua, hasil dari JK Teknikal GST Buku ini ialah memorandum pertama kepada Kementerian Kewangan Malaysia (KKM). Rujuk kepada **Lampiran 10**.

Ketiga, Presiden MABOPA telah mengaturkan satu pertemuan segera dengan YB. Datuk Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Kewangan II untuk membincangkan isu-isu GST buku dan ebook. Presiden sendiri mengetuai delegasi industri buku yang melibatkan beberapa penerbit buku, kedai buku, penerbit majalah dan vendor ebook.

Susulan pertemuan ini, pihak industri membuat satu cadangan balas kepada pihak KKM. Cadangan balas industri ada di **Lampiran 11**.

Hasil dari cadangan balas industri ini, Kastam Diraja Malaysia dalam Warta GST Kadar Sifar yang dikemaskini pada hujung Mac 2015, telah meletakkan semua jenis buku sebagai GST Kadar Sifar.

Apa 2 lagi isu yang masih menunggu perkembangan dari pihak Kastam Diraja Malaysia ;

- a. Status GST Kadar Sifar untuk ebook.
- b. Status bahan-bahan bantuan mengajar seperti poster dinding, flash card dan seumpamanya.

Pada masa ini, item a dan b masih berstatus GST Standard 6%.

## **Seksyen E : Hubungan Antarabangsa**

### **1. ASEAN Book Publishers Association (ABPA)**

Dalam sesi ini, jawatan Presiden dan Setiausaha Agung ABPA dipegang oleh Indonesia.

Mesyuarat Agung ABPA di Yangon Myanmar diwakili oleh Raymond Yeo dan Arief pada 27-29 November 2014. Penerbangan dan penginapan akan disediakan oleh MABOPA. Oleh kerana ada kesilapan dalam tidak memohon Visa masuk ke Myanmar, wakil MABOPA tidak dapat menghadiri mesyuarat tersebut.

ABPA akan mengadakan satu mesyuarat Exco di Kuala Lumpur bersempena dengan penganjuran KLTC. Mesyuarat ini akan diadakan pada 20 April 2015.

### **2. Asia Pacific Publishers Association (APPA)**

Pada waktu ini, Exco memutuskan untuk tidak terlibat secara aktif dalam APPA. Persatuan mengambil langkah tunggu dan lihat pada masa ini.

### **3. International Publishers Association (IPA)**

Untuk makluman ahli, MABOPA pernah menjadi ahli IPA pada satu masa dahulu dan kemudian keluar dari IPA kerana faktor kos. Sehingga kini kita belum menyertai semula IPA.

Walau begitu, kita terlibat atas dasar individu dalam IPA. Arief Hakim Sani ada menghadiri Kongress IPA di Bangkok pada Mac 2015 atas kos sendiri. Salah satu projek yang akan dimajukan oleh IPA ialah penubuhan Education Publishers Forum Asia Pacific. Ahli-ahli MABOPA yang terlibat dalam penerbitan buku pendidikan dijemput sama untuk terlibat dalam forum ini.

### **4. International Federation of Reproduction Rights Organisations (IFFRO)**

MABOPA menjalin hubungan yang rapat dengan IFFRO untuk projek penubuhan CMO di Malaysia.